

SATU PENGAJIAN TERHADAP SOSIO-EKONOMI PENJAJA-PENJAJA  
YANG BERDAFTAR DENGAN DEWAN BANDARAYA  
KUALA LUMPUR

OLEH

HASAN BIN ALI (89505392)

ISMAIL BIN OMAR (89505298)

HANISAH BTE MD HASSIM (89504248)

MU'AZAH BTE MOHD GHAZALI (89158305)

PENYELIA KERTAS PROJEK

ENCIK ZULKIFLI BIN HJ ABIDIN

KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

MEI 1992

## KANDUNGAN

|  |    |
|--|----|
| DAFTAR ISI KANDUNGAN                   | i  |
| SENARAI JADUAL                         | iv |
| MUKADDIMAH                             | vi |
| <u>BAB SATU - PENGENALAN</u>           | 1  |
| Gambaran tentang penjaja               | 1  |
| Definasi penjaja                       | 4  |
| Perspektif mikro                       | 6  |
| Perspektif makro                       | 9  |
| Objektif pengkajian                    | 11 |
| Kaedah pengkajian dan penyelidikan     | 12 |
| Had-had pengkajian                     | 13 |
| <u>BAB DUA - PROFILE SOSIO-EKONOMI</u> | 15 |
| Pengenalan                             | 15 |
| Umur                                   | 15 |
| Jantina                                | 16 |
| Taraf perkahwinan                      | 17 |
| Saiz keluarga                          | 18 |
| Taraf pendidikan                       | 19 |
| Tempat penginapan                      | 20 |
| Jangkamasa menetap di Kuala Lumpur     | 22 |
| Sebab-sebab berhijrah ke Kuala Lumpur  | 23 |
| Pekerjaan sebelum menjaja              | 24 |
| Pemegang harta (aset)                  | 25 |
| Kesimpulan                             | 26 |

## MUKADDIMAH

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dan segala puji-pujian bagi Allah s.w.t. kami pertama-tama sekali ingin mengucapkan rasa syukur ke hadratNya kerana dengan izin dan restuNya membolehkan kami menyiapkan Kertas Projek ini.

Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia kertas projek kami iaitu Encik Zulkifli bin Haji Abidin yang telah banyak mencurahkan usaha bakti, nasihat serta telah memberikan beberapa panduan kepada kami bagi membolehkan kami menyempurnakan kertas projek ini. Kami rasakan tanpa tunjuk ajar dari beliau sudah tentu segala usaha kami tidak akan mencapai tahap yang diperlukan.

Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa penghargaan kami kepada Encik Zakaria bin Yussof dari Jabatan Pengurusan Penjaja-penjaja dan Peniaga Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah banyak membantu kami dalam mendapatkan data-data serta kerjasama dari penjaja-penjaja.

Selain dari itu, penghargaan juga tidak dilupakan buat teman-teman yang telah banyak membantu memberikan

# SATU PENGKAJIAN TERHADAP SOSIO-EKONOMI PENJAJA-PENJAJA

## YANG BERDAFTAR DENGAN DEWAN BANDARAYA

### KUALA LUMPUR

#### PENGENALAN

#### 1. GAMBARAN AM TENTANG PENJAJA

1.1 Kumpulan penjaja dan kegiatan menjaja merupakan satu fenomena yang tidak asing lagi bagi kehidupan di bandar-bandar negara-negara Asia Tenggara terutama di Indonesia, Filipina, Malaysia, Singapura dan Thailand. Kumpulan penjaja dan kegiatan menjaja memberi khidmat yang penting kepada komuniti bandar. Untuk melihat betapa pentingnya penjaja dan penjajaan dalam hidup bandar, kita perlu mengukurnya dari segi populasinya, sumbangannya dalam bidang pekerjaan dan pendapatan, khidmat yang diberi kepada komuniti dan juga implikasinya dalam bidang sosio-ekonomi yang lebih luas. Dengan lain perkataan, kita harus meninjau fungsi dan peranan penjaja dan penjajaan dalam konteks hidup bandar secara keseluruhan. Dengan cara ini kita boleh melihatnya dalam perspektif yang merangkumi komponen-komponen lain dan aktiviti-aktiviti yang berbagai di bandar.

1.2 Penjaja merupakan sub-komuniti di bandaraya, kita perlu meninjau penjaja itu sebagai satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Kita juga perlu

melihat peranan dan fungsi penjaja dan penjajaan dalam konteks keseluruhan hidup di bandar. Satu kajian yang dibuat oleh T.G. Mc Gee mendapati bahawa 60 peratus dari penjaja ini adalah samada penjaja separa bergerak atau pun bergerak. Kebanyakan dari penjaja ini bertumpu di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti di kawasan berhampiran dengan pasar awam, tempat-tempat perhentian pengangkutan awam, berhampiran dengan tempat-tempat hiburan dan di zon perdagangan. Namun demikian pola-pola penempatan penjaja ini telah mendatangkan konflik dengan pentadbiran bandaraya. Menurut T.G. Mc Gee lagi kebanyakan penjaja ini terdiri dari mereka yang menetap di bandaraya. Mereka juga mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Ada juga diantara mereka yang tiada pilihan pekerjaan lain kecuali berjaja. Ada juga dikalangan penjaja ini yang berhijrah dari luar bandar dan kebanyakan mereka adalah tidak mempunyai kemahiran dan mempunyai taraf pendidikan yang rendah. (1)

1.3 Penjaja-penjaja ini menawarkan perkhidmatan dan barangan kepada orang ramai pada tahap harga yang rendah berbanding dengan pasaraya-pasaraya, kedai-kedai dan restoran-restoran yang menawarkan perkhidmatan yang sama. Selalunya mereka menjual makanan mentah dan makanan yang

(1). T.G. Mc Gee and Young, *Hawkers in South-East Asia Cities; Planning for the Bazaar Economy*, IDRC, 1977.